

Khianat mandat rakyat jika sengaja ponteng

Isu ponteng ganggu kelancaran dan cemar reputasi Parlimen

MOHD AZLIM ZAINURY

SHAH ALAM

Penganalisis politik menyifatkan ahli Parlimen yang tidak hadir atau ponteng ke Dewan Rakyat tanpa sebab munasabah disifatkan sebagai mengkhianati mandat rakyat.

Penganalisis politik Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Syed Agil Syed Alsagoff berkata, kes ponteng melibatkan ahli Parlimen seharusnya dipandang serius.

Katanya, ahli Parlimen terbabit diminta memahami peranan dan tanggungjawab yang berat sebagai seorang wakil rakyat susulan timbul isu ketidakhadiran mereka di Dewan Rakyat mutakhir ini.

Menurutnya, isu ketidakhadiran itu bukan sahaja mendatangkan masalah kepada kelancaran perbahasan dalam Dewan Rakyat malah lebih se-



AHMAD MARTHADA



SYED AGIL

rius kerana mencemar nama baik dan reputasi Parlimen.

“Ia mencemarkan nama baik dan reputasi Parlimen sebagai Dewan Agung yang membahas dan meluluskan undang-undang di negara ini. Sebagai seorang pemimpin rakyat mereka haruslah amanah,” katanya.

Beliau berkata, setiap ahli Parlimen juga perlu menyederhanakan tatasusila dan etika sebagai pemimpin harus dipatuhi dan dijelmakan dalam setiap pemikiran, tingkah laku dan perbuatan mereka.

“Ini kerana mereka adalah simbol kepercayaan dan keyakinan rakyat yang membuat pemilihan pada setiap pilihan raya,” katanya.

Justeru, beliau berharap

ahli-ahli Parlimen dapat menyedari dan menghayati peranan mereka sebagai pemimpin rakyat yang boleh dicontohi dan terus diyakini para pengundi mereka.

Nada yang sama turut dilontarkan penganalisis politik daripada Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Madya Dr Ahmad Marthada Mohamed.

Dr Marthada berkata, ahli Parlimen yang berperanan dalam menggubal polisi negara seharusnya hadir pada setiap sesi di Parlimen untuk membahas apa juga cadangan Rang Undang-Undang.

“Terutamanya bagi meningkatkan undang-undang bagi tujuan mensejahterakan masyarakat. Ahli Parlimen adalah wakil rakyat yang telah

diberikan amanah dan tanggungjawab untuk membahaskan sebarang Rang Undang-Undang demi kepentingan masyarakat secara keseluruhannya,” katanya.

Katanya, atas sebab itu ahli Parlimen perlu hadir pada setiap sesi sekiranya mereka tidak mempunyai apa-apa tanggungjawab di luar daripada sesi Parlimen dan kehadiran mereka perlu diwajibkan.

“Ini kerana terdapat pelbagai Rang Undang-undang perlu dibahaskan dan perbaikan sangat penting kerana apabila Rang Undang-Undang itu diluluskan ia akan menjadi undang-undang yang akan diimplementasikan kepada semua masyarakat di negara kita,” katanya.

Katanya, sekiranya Rang Undang-Undang yang ada tidak dibahaskan secara menyeluruh dan segala input tidak diberikan maka sebarang Rang Undang-Undang diluluskan itu mungkin tidak akan mendapat hasil yang baik.

“Jadi saya berpendapat bahawa adalah menjadi tanggungjawab ahli Parlimen cuba menghadirkan diri mereka pada setiap sesi ketika Parlimen sedang bersidang,” katanya.